

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Dr Mahathir nafi dakwaan wakil Kelab Umno London

KUALA LUMPUR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menafikan bahawa sistem autokrasi wujud dalam Umno seperti didakwa oleh Wakil Kelab Umno London dalam ucapannya di Perhimpunan Agung Umno ke-34, di sini semalam.

Presiden Umno itu berkata, Umno mengamalkan sikap liberal dengan memberi layanan dan peluang yang sama kepada semua pihak dalam perhimpunan agungnya.

"Kita bersikap liberal kerana walaupun mengikut undang-undang tubuh Umno hanya wakil-wakil yang layak bercakap, kita melonggarkan syarat itu dan memberi peluang kepada ahli-ahli dari Kelab Umno London dan Washington untuk bercakap," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir kesal wakil dari Kelab Umno London, Wan Adnan Idris, mengambil peluang yang diberikan itu untuk menuduh Umno sebagai autokratis.

Dalam ucapannya semalam, Wan Adnan mendakwa sistem autokrasi telah menggantikan demokrasi di dalam Umno "kerana Datuk Seri Dr Mahathir mengambil sikap memihak kepada Datuk Musa Hitam."

Wakil itu juga mendakwa beliau tidak mendapat biasiswa untuk meneruskan pelajarannya.

Seterusnya, Perdana Menteri berkata, beliau diberitahu bahawa wakil itu diberi mandat untuk berucap oleh Kelab-Kelab Umno Seberang Laut yang lain setelah diadakan rundingan.

"Saya telah membaca surat bantahan dari wakil-wakil kelab Umno yang lain bahawa mereka tidak menyokong apa yang diucapkan oleh wakil London itu.

"Kalau sudah runding untuk cakap perkara-perkara tertentu, cakaplah apa yang dirundingkan. Jangan ambil peluang untuk meluahkan perasaan peribadi," katanya.